

NOTA MAKLUMAN AWAL

MENGENAI KES TUMPAHAN MINYAK DIPLATFORM PM 323, OFF SHORE TERENGGANU, TERENGGANU DARUL IMAN

PADA 25 MAC 2016

TUJUAN

Nota Makluman ini adalah untuk memaklumkan hasil siasatan awal ke atas kes tumpahan minyak di Platform PM 323, Off shore Terengganu, Terengganu Darul Iman yang berlaku pada 23 Mac 2016.

LATARBELAKANG

2. Kes aduan ini diterima oleh Ibu Pejabat, Jabatan Alam Sekitar Malaysia di Putrajaya pada 24 Mac 2016 lebih kurang 05.30 petang, yang telah dipanjangkan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu pada 24 Mac 2016 lebih kurang 08.29 malam oleh OPW En. Azaldin bin Alias.

3. Berdasarkan Borang Maklumat Awal Kes Kecemasan yang dikemukakan oleh pihak Ibu Pejabat, aduan tumpahan minyak ini dibuat oleh kakitangan Sapura Kencana Sdn Bhd En.Tony Jones (Reginol HSE Manager Sapura Kencana) melalui faks yang mendakwa ada kesan tumpahan minyak di Platform PM 323.

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

4. Siasatan awal yang dilakukan terhadap pengadu oleh Bahagian Air & Marin, JAS Ibu Pejabat mendapati kesan tumpahan minyak di kawasan platform yang dilaporkan adalah tidak ketara (minor) dan tumpahan minyak dianggarkan 96 liter dengan saiz 1m x 1600m bergerak ke arah timur laut, tompokan berpecah disebabkan faktor angin dan ombak (swell speed NE at about 0.3m/hr:Wind:ENE at 5 knots). Beliau memakluman bahawa kesan tumpahan minyak ini berpunca daripada aktiviti penggerudian dikawasan platform PM323.

5. Pemantauan yang dilakukan dikawasan kejadian pada oleh pihak Sapura Kenchana pada 24 Mac 2016 mendapati tiada kesan kilauan minyak (oil sheen) ditemui dipermukaan laut. Tumpukan minyak hitam tersebut mulai hilang (*disperse*) dengan kadar yang cepat mungkin dibantu oleh cuaca panas terik dan juga keadaan ombak yang tidak begitu ketara.

TINDAKAN-TINDAKAN JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI TERENGGANU

6. Menghubungi pihak Sapura Kenchana pada 25 Mac 2016 bagi memohon pihaknya memberikan laporan lengkap beserta gambar-gambar tempat kejadian dan keadaan dipersekitaran platform. Walaubagaimanapun kakitangan Sapura Kenchana Sdn. Bhd. memaklumkan bahawa laporan mengesahkan bahawa tiada lagi kilauan minyak (oil sheen) dikesan dikawasan kejadian telahpun difaks ke Ibu Pejabat JAS jam 8.00 pg ini dan gambar-gambar ditempat kejadian akan di hantar sedikit masa lagi.

9. Memaklumkan pihak Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) pada 24 Mac 2016 jam 10.00 malam perihal aduan dan memohon pihaknya agar dapat memaklumkan JAS Terengganu dengan segera sekiranya sebarang kesan tumpukan minyak dilaut ditemui.

PENUTUP

Adalah dipohon mengambil maklum mengenai hasil siasatan awal ke atas kejadian tumpahan minyak di Platform PM 323, Offshore Terengganu, Terengganu Darul Iman yang berlaku pada 23 Mac 2016.

**Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu
25 Mac 2016**